

DEKLARASI UBFA

Deklarasi ini dibentuk dan dipersetujui oleh 118 peserta yang menyertai mesyuarat antara wakil-wakil komuniti dalam Upper Baram Forest Area (UBFA) di Long Lamam pada 23hb-26hb Februari 2023. Mereka mewakili 26 kampung dari suku kaum Penan, Kenyah dan Saban.

PEMBUKAAN

Terlebih dahulu, kami memberi hormat kepada kebijaksanaan dan tradisi nenek moyang kami yang merupakan orang-orang asal di UBFA. Kami bersyukur atas semua yang telah mereka buat dalam membina masyarakat yang mempunyai kesatuan dengan alam sekitar dan sesama sendiri. Mereka tekun memastikan adanya keseimbangan alam dan mengajarkan kami, waris mereka untuk terus melindungi alam dan kelestariannya.

1. PRINSIP MAKLUM AWAL BEBAS DAN TELUS

- i. Merujuk kepada UNDRIP (United Nation Declaration of the Rights of Indigenous People Rights) yang telah dipersetujui oleh kerajaan Malaysia, kami orang-orang asal di UBFA menekankan hak kami terutamanya dari segi Prinsip Maklum Awal Bebas dan Telus (Free Prior and Informed Consent).
- ii. Kami mestilah terlibat dalam setiap perbincangan yang melibatkan kawasan kami, kami berhak mendapat semua maklumat yang melibatkan kawasan kami secara telus (transparent) dan sepadan masa yang ia diperlukan. Setelah itu, kami berhak memutuskan jika kebenaran diberi dalam setiap projek-projek itu. Projek-projek dan setiap inisiatif haruslah dipersetujui dan dibenarkan oleh kami sebelum ia bermula.
- iii. Prinsip Maklum Awal Bebas dan Telus ini juga menekan hak kami untuk menentukan jika kami mahu atau tidak mahu kawasan kami diletak di bawah mana-mana persijilan pembalakan, lesen industri-industri ekstraktif, dan mana-mana pihak ketiga yang lain. Kami masyarakat orang-orang asal di UBFA berhak menghalang syarikat-syarikat atau pihak-pihak lain dari mengambil sumber-sumber semulajadi di kawasan kami.

2. URUS TADBIR (GOVERNANCE) DAN KENDALIAN SENDIRI (SELF-DETERMINATION)

- i. Kami masyarakat UBFA mempunyai hak bagi menentukan wakil-wakil komuniti kami sebagai pemegang tampuk sedarjat dalam tadbir urus bersekutu (shared governance) UBFA.
- ii. Merujuk juga kepada Artikel 1 dari UNDRIP yang menyatakan, "hak bagi orang-orang asal untuk mengamalkan amalan, tradisi dan adat mereka haruslah dikenali dan dihormati sepenuhnya." Kami ingin menekankan sejak dari permulaannya lagi, adalah mengikut tradisi kami yang ketua kampung kami dilantik oleh masyarakat dia sendiri. Oleh itu, kami masyarakat UBFA berhak memilih ketua kampung kami masing-masing dan keputusan ini haruslah diterima sepenuhnya oleh pihak kerajaan secara rasmi.

Maklumat Penting:

Orang-orang asal menyedari hubungan dan kaitan penting di antara budaya mereka dan keseimbangan alam sekitar. Oleh itu, amalan tradisional mereka dibentuk untuk terus memastikan ekosistem alam mereka tetap dilindungi (Perkara 3 dan 4 harus dilihat melalui hubungan dan kaitan rapat ini).

3. PERLINDUNGAN DAN KONSERVASI EKOSISTEM

- i. Zon hutan premier (hutan dara) UBFA sama sekali tidak boleh diterokai dan harus dilindungi dari sebarang pencerobohan.
- ii. Kawasan Nilai Konservasi Tinggi - High Conservation Value (HCV) di UBFA yang dikenalpasti oleh kami haruslah dihormati dan dilindungi.
- iii. Amalan-amalan tradisional perlindungan hutan kami haruslah dihormati dan kami tidak dihalang mengamalkan tradisi-tradisi ini.

4. KELESTARIAN BUDAYA

- i. Budaya serta amalan tradisional kami haruslah diterapkan dalam sistem pendidikan persekolahan di UBFA.
- ii. Sejarah serta amalan-amalan budaya kami mestilah didokumentasikan secara rasmi.
- iii. Pendidikan amalan dan ilmu tradisional orang-orang asal adalah pengetahuan yang berguna dan tidak boleh dikatakan sebagai pendidikan tidak penting berbanding pendidikan konvensional.

5. TANAH

- i. Kami masyarakat UBFA terus menekankan hak kami ke atas kawasan-kawasan dan sempadan- sempadan kampung kami.
- ii. Kami terus mendesak pihak kerajaan secara rasminya mengenali kawasan-kawasan di bawah perlindungan kami dan diberi dokumentasi rasmi yang membuktikan hak milik warisan kami ini.
- iii. Masyarakat UBFA haruslah diberi kuasa menentukan sempadan mereka berasaskan tradisi dan kata sepakat dengan jiran-jiran sempadan mereka. Setelah peta sempadan ini ditentukan, ia haruslah diterima secara rasmi oleh pihak kerajaan dan jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat. Dan disokong melalui dokumentasi rasmi.
- iv. Kami berhak menentukan jenis penggunaan tanah kami berdasarkan amalan tradisi kami bagi kegunaan sekarang dan semua yang akan datang.

6. PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN ASAS

- i. Sebagai rakyat Malaysia, kami juga berhak mendapat kemudahan asas yang sama seperti masyarakat lain. Ini termasuklah jalanraya yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi laluan-laluan utama kami di Ulu Baram.
- ii. Sampai hari ini jalan utama bagi pengangkutan kami masih jalan yang dibina oleh syarikat balak bagi kegunaan mengangkut hasil-hasil industri balak mereka.
- iii. Kami satu hati menyeru dan mendesak pihak-pihak berkuasa untuk menyediakan kemudahan asas kami ini secepat mungkin dari segi jalanraya utama di laluan Baram.
- iv. Kami juga ingin menekankan di sini bahawa selain dari jalanraya di laluan utama di Ulu Baram ini, setiap kampung di Ulu Baram masih berhak untuk menerima atau menolak jalanraya dibina dari laluan utama ini masuk ke kawasan kampung mereka.
- v. Adalah sangat penting juga kami menekankan yang kami mesti terlibat dalam keputusan menentukan jalan-jalan utama di Ulu Baram ini.
- vi. Kawasan kami sangat ketinggalan dari segi kemudahan asas dan infrastruktur. Kami ketinggalan dari segi kemudahan telekomunikasi, internet, pendidikan dan pusat kesihatan seperti klinik dan hospital. Baram mempunyai populasi sebanyak 63,499 dan dikenali sebagai tempat asal-usul masyarakat orang-orang asal yang menjadi majoriti negeri Sarawak ini – harus juga diberi keutamaan dari segi kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan asas ini.
- vii. Kami mencadangkan komuniti-komuniti orang asal tempatan diberi keutamaan dalam peluang pekerjaan atau dilatih sebagai kakitangan jabatan-jabatan kerajaan yang ada dan akan ada di UBFA.

7. KESATUAN ANTARA KAMPUNG

- i. Kami faham betapa pentingnya sikap saling hormat-menghormati ini di antara semua masyarakat UBFA dan akan sentiasa mencapai kata sepakat yang membawa kebaikan kepada pihak-pihak yang terlibat.
- ii. Kami masyarakat UBFA juga berjanji akan berbincang dan mencapai kata sepakat dengan hati yang terbuka dalam hal-hal penetapan sempadan-sempadan kami atau apa-apa isu perselisihan antara kampung atau suku-suku kaum.
- iii. Kami juga tidak akan membuat keputusan muktamad sebelum setiap pihak yang terlibat telah diberi maklumat yang sepenuhnya dan mereka juga telah memberi pendapat serta keputusan mereka.

8. PENJANAAN PENDAPATAN

- i. Kami mempunyai hak (intellectual property) ke atas pengetahuan tradisional kami mengenai hutan dan yang selaras dengannya. Pihak ketiga mesti mendapat kebenaran kami sebelum sesuatu pengetahuan itu dikongsi dan digunakan untuk menjana pendapatan bagi mereka. Pihak ketiga tidak mempunyai hak untuk menjana pendapatan dari pengetahuan tradisional kami.
- ii. Kami berhak membentuk dan menjalankan sebarang aktiviti penjanaaan pendapatan secara lestari yang berdasarkan budaya warisan kami.

PENUTUPAN:

Kami sebagai masyarakat di dalam Upper Baram Forest Area (UBFA) menyokong penuh inisiatif dan visi projek ini dan berharap ianya akan terus berjaya. Kami juga akan terus bekerjasama dengan semua pihak-pihak terlibat sebagai salah satu pemegang tampuk utama dalam pengurusan dan pengendalian UBFA ini.